

Soalan Lazim (FAQ) untuk
Kempen Ganjaran Emas AmOnline MA-Velous 2026

- 1. Jika saya telah mendaftarkan ID DuitNow saya ke AmOnline sebelum kempen dan melakukan satu pemindahan dana ID DuitNow masuk sebanyak minimum RM20.00 semasa kempen, adakah saya layak untuk memperoleh 10 Entri?**

Tidak, anda tidak akan mendapat Entri kerana jenis transaksi ini hanya untuk pelanggan yang mendaftarkan ID DuitNow mereka ke AmOnline dan melakukan satu pemindahan dana masuk dengan amaun minimum RM20 semasa Tempoh Kempen.

- 2. Jika saya melakukan satu pemindahan dana ID DuitNow keluar daripada Akaun Semasa dan/atau Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan dan/atau Akaun Simpanan-i saya selepas mendaftarkan ID DuitNow saya, adakah saya layak untuk mendapatkan Entri?**

Tidak, hanya pemindahan dana masuk dengan amaun minimum RM20 selepas pendaftaran ID DuitNow ke AmOnline akan layak mendapat 10 Entri.

- 3. Siapakah yang dianggap sebagai Transaktor Kali Pertama?**

Transaktor Kali Pertama merujuk kepada Pelanggan yang Layak yang belum melakukan Transaksi yang Layak di bawah Peringkat 2 yang dinyatakan dalam jadual di bawah antara 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2025. Entri Berganda akan diberikan untuk Transaksi yang Layak di bawah Peringkat 2 dan Peringkat 3 di sepanjang Tempoh Kempen. Sila ambil perhatian bahawa Entri berganda tidak diberikan untuk jenis transaksi Peringkat 1.

Peringkat	Jenis Transaksi	Amaun Minimum untuk Setiap Transaksi yang Layak	Bilangan Entri
1	Daftar untuk Aplikasi AmOnline	-	10 Entri sekali sahaja untuk transaksi yang berjaya
	Lakukan Pendaftaran ID DuitNow dan dapatkan satu Transaksi ID DuitNow masuk yang berjaya	RM20	10 Entri sekali sahaja untuk transaksi yang berjaya
2	DuitNow QR P2M	RM10	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya
	DuitNow QR P2P	RM10	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya
	Pemindahan DuitNow	RM10	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya
	FPX	RM100	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya
	JomPAY	RM50	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya

	Tambah Nilai Prabayar	RM10	8 Entri bagi setiap transaksi yang berjaya
3	Log masuk ke AmOnline	-	1 Entri setiap hari untuk jumlah log masuk yang berjaya dilakukan dalam sehari

4. Saya baharu sahaja mendaftar untuk Aplikasi AmOnline semasa Tempoh Kempen. Adakah saya dianggap sebagai Transaktor Kali Pertama?

Ya, anda dianggap sebagai Transaktor Kali Pertama selepas mendaftar untuk Aplikasi AmOnline semasa Tempoh Kempen kerana anda belum melakukan sebarang Transaksi yang Layak di bawah Peringkat 2 (rujuk jadual dalam Soalan 3 di atas) antara 1 Julai 2025 – 31 Disember 2025.

5. Saya adalah pengguna AmOnline baharu. Adakah saya berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama emas 20g 999.9?

Ya, jika anda di antara 2,888 pelanggan pertama yang berjaya mendaftar untuk AmOnline semasa Tempoh Kempen, anda boleh menikmati *Welcome Angpow* berupa Pulangan Tunai RM5 dan berpeluang memenangi 20g emas 999.9 juga. Walau bagaimanapun, anda tidak layak memenangi *Special Angpow*.

6. Adakah log masuk ke AmOnline untuk menyemak Akaun Semasa dan/atau baki Akaun Semasa-i saya akan memberikan saya Entri?

Ya, anda layak untuk Entri tetapi sila ambil perhatian bahawa walaupun anda melakukan berbilang log masuk dalam sehari, anda hanya akan mendapat maksimum 1 Entri setiap hari. Entri berganda hanya diberikan untuk Transaksi yang Layak di bawah Peringkat 2 dan Peringkat 3 (rujuk jadual dalam Soalan 3 di atas).

7. Profil AmOnline saya dikunci. Adakah saya layak untuk mendapatkan Entri berganda semasa kempen jika saya melakukan Transaksi yang Layak selepas profil AmOnline saya tidak lagi dikunci?

Ya, anda akan mendapat Entri berganda di sepanjang Tempoh Kempen apabila melakukan Transaksi yang Layak selepas membuka kunci akaun AmOnline anda.

8. Bagaimanakah saya boleh menikmati *Special Angpow*?

Special Angpow adalah eksklusif untuk Pelanggan yang Layak yang berikut:

- Mereka dengan akaun AmOnline yang tidak aktif (tidak log masuk ke AmOnline selama 90 hari dan ke atas) antara 31 Disember 2025 sehingga tamat Tempoh Kempen.
- Mereka dengan akaun AmOnline yang dikunci antara 31 Disember 2025 sehingga tamat Tempoh Kempen.

Anda boleh menikmati *Special Angpow* berupa Pulangan Tunai RM18 dan juga berpeluang memenangi 20g emas 999.9 selepas mengaktifkan semula akaun AmOnline anda dan melakukan Transaksi yang Layak.

9. Bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan semula akaun AmOnline saya?

Sekiranya anda terlupa nama pengguna/kata laluan AmOnline anda atau tidak log masuk selama lebih daripada 90 hari, sila rujuk langkah pengaktifan semula dalam Soalan Lazim kami [di sini](#).

10. Perlukah saya mempunyai alamat e-mel dan nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan AmBank/AmBank Islamic untuk disenarai pendek sebagai pemenang bagi Kempen ini?

Ya, hanya pelanggan yang berdaftar dengan AmBank/AmBank Islamic dengan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit akan disenarai pendek sebagai pemenang. Sila kunjungi cawangan AmBank/AmBank Islamic sekiranya anda ingin mengemas kini atau mendaftarkan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit anda sebelum tamat Kempen.

11. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan jika saya telah memenangi Hadiah dalam Kempen ini?

Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan menerima panggilan daripada Bank, memaklumkan bahawa mereka adalah pemenangnya. Pemenang Hadiah Sagu Hati, *Welcome Angpow* dan *Special Angpow* akan dimaklumkan melalui pemberitahuan semerta atau e-mel.